

**DINAMIK KEHIDUPAN GOLONGAN
GELANDANGAN DI PULAU PINANG**

SYAZWANI BINTI DRANI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

DINAMIK KEHIDUPAN GOLONGAN GELANDANGAN DI PULAU PINANG

oleh

SYAZWANI BINTI DRANI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2016

PENGHARGAAN

Alhamdullillah syukur kehadrat Ilahi kerana limpah dan perkenanNya serta keizinanNya saya telah dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Setinggi tinggi perhargaan dan jutaan terima kasih ditujukan khas buat Profesor Dr. Azlinda Azman selaku penyelia utama yang telah banyak memberi tunjuk ajar, ruang dan peluang membetulkan kesilapan, menyumbang idea-idea yang sangat bernas, memberi nasihat, motivasi dan sokongan moral serta perhatian yang tinggi dalam menyiapkan tesis ini. Segala curahan ilmu dan sumbangan jasa yang telah diberikan tidak dapat dibalas dengan kata-kata. Hanya terima kasih yang dapat dizahirkan dengan setulus hati. Terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Kerja Sosial yang turut memberi sokongan moral. Tidak dilupa juga kepada semua kakitangan akademik dan pentadbiran, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan yang telah banyak membantu tanpa mengira waktu dan memberi sokongan serta nasihat sepanjang saya bergelar pelajar. Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan khas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia kerana telah memberi penajaan kepada saya di bawah program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Tidak dilupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi rasa suka dan duka, menjadi pendengar dan penasihat yang baik. Keikhlasan anda dalam membantu dan menyokong didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Begitu juga dengan responden kajian, terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan serta kesediaan dalam berkongsi maklumat dan kisah hidup yang telah menjadikan ia satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Jutaan terima kasih dengan penuh rasa hormat dan limpahan kasih sayang buat arwah ibu Jamilah Binti Mat Isa kerana irungan doanya membawa kejayaan, buat ayah yang dikasihi Drani Bin Ramli terima

kasih atas setiap pengorbanan dan doa yang dicurahkan. Begitu juga dengan adik beradik yang disayangi Selihan Binti Drani dan Syafiqah Binti Drani yang setiap masa memberi sokongan dan motivasi. Akhir sekali, buat suami tercinta, Khairol Nizam Bin Ahmad Sabri, jutaan terima kasih atas pengorbanan masa dan kudrat serta sokongan moral yang tak putus-putus bagi memulihkan semula semangat dan keyakinan diri dalam membantu menyiapkan tesis ini. Buat permata hati, Thaqif Asyraf Bin Khairol Nizam kekurangan yang ada pada anak bukan kelemahan dan penghalang. Sebaliknya menjadi penyumbang kepada kekuatan dan menjadi penyuntik semangat untuk ummi terus berjaya.

SUSUNAN KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	12
1.3 Persoalan Kajian	18
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Signifikan Kajian	18
1.5.1 Signifikan Terhadap Praktis Kerja Sosial	18
1.5.2 Signifikan Terhadap Golongan Sasaran	22
1.5.3 Signifikan Terhadap Struktur Perkhidmatan	23
1.5.4 Signifikan Terhadap Pembentukan Dasar	24
1.6 Susunan Bab Kajian	26
BAB 2 : SOROTAN KARYA	
2.1 Pendahuluan	28
2.2 Siapakah Gelandangan?	28
2.3 Identiti Golongan Gelandangan	34
2.4 Karakteristik Golongan Gelandangan	36
2.3.1 Umur	36
2.3.2 Jantina	37
2.3.3 Sokongan Sosial	37
2.3.4 Golongan Elit	39
2.3.5 Golongan Bandar	40
2.3.6 Golongan Tiada Tempat Tinggal	41
2.5 Punca Wujud Gelandangan	42

2.6	Gelandangan dan Kesihatan	45
	2.6.1 Gelandangan dan Kesihatan Fizikal	46
	2.6.2 Gelandangan dan Kesihatan Mental	49
2.7	Wanita dan Gelandangan	50
2.8	Kanak-kanak dan Gelandangan	53
2.9	Rumah Perlindungan dan Gelandangan	56
2.10	Implikasi Psikologikal Gelandangan	58
	2.10.1 Penyalahgunaan dan Kebergantungan Terhadap Dadah	58
	2.10.2 HIV dan Penyakit Kelamin Berjangkit <i>(Sexually Transmitted Diseases)</i>	59
2.11	Stigma dan Gelandangan	61
2.12	Mekanisme Mengatasi Masalah Gelandangan	62
	2.12.1 Penyelarasan Perkhidmatan	62
	2.12.2 Haluan Kendiri	63
	2.12.3 Penghargaan dan Tindakan	64
	2.12.4 Penambahbaikan Kemahiran Pekerja dan Perkhidmatan	65
	2.12.5 Meningkatkan Jumlah Bantuan Perumahan	65
	2.12.6 Meningkatkan Rangkaian Perkhidmatan dan Bentuk Program	65
	2.12.7 Membangunkan Pelan Individu Perumahan/ Perkhidmatan dan Sokongan	66
	2.12.8 Penyediaan Terhadap Trauma dan Sokongan Keluarga	66
	2.12.9 Penyediaan Pendidikan dan Pelbagai Perkhidmatan untuk Kanak-kanak	67
	2.12.10 Model Temuseru	67
	2.12.11 Model Sokongan Intensif	69
	2.12.12 Model Generik dan Krisis	71
	2.12.13 Model Penyelarasan (Penjagaan Kontinum)	72
	2.12.14 Daya Tindak (<i>Coping</i>)	75
	2.12.15 Daya Tindak Keagamaan	76
	2.12.16 Penjagaan Kanak-kanak	76
	2.12.17 Perancangan Kewangan	77
	2.12.18 Peningkatan Perkhidmatan untuk Kanak-kanak	78
2.13	Kerangka Teoritikal	78

2.14	Teori Memahami Golongan Gelandangan	79
2.14.1	Teori Keperluan Maslow	79
2.14.2	Keperluan Fisiologi	80
2.14.3	Keperluan Keselamatan	80
2.14.4	Keperluan Sosial	81
2.14.5	Keperluan Harga Diri	81
2.14.6	Keperluan Kendiri	81
2.15	Teori Ekologikal	85
2.16	Teori Daya Tahan (<i>Resillience Theory</i>)	89
2.17	Teori Tekanan dan Daya Tindak (<i>Stress and Coping Theory</i>)	91
2.17.1	Fokus-Penilaian (<i>Appraisal-Focused</i>)	93
2.17.2	Fokus-Masalah (<i>Problem Focused</i>)	93
2.17.3	Fokus-Emosi (<i>Emotion Focused</i>)	93
2.18	Kerangka Konseptual	95
2.19	Definisi Konsep	101
2.19.1	Definisi Gelandangan Berdasarkan Pengkaji Lepas	101
2.19.2	Definisi Dinamik Golongan Gelandangan	103

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	105
3.2	Kajian Kualitatif	105
3.3	Populasi dan Sampel	107
3.3.1	Populasi	107
3.3.2	Sampel	108
3.4	Kriteria Pemilihan Sampel	110
3.4.1	Gelandangan	110
3.4.2	Petugas/Sukarelawan	111
3.5	Reka Bentuk Kajian	112
3.6	Instrumen Kajian	113
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	114
3.8	Analisis Data	116
3.9	Kajian Rintis	116
3.10	Hasil Kajian Rintis	117
3.11	Tema-tema Kajian	120
3.12	Etika Penyelidikan	122

BAB 4: HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	124
4.2	Tema-tema Kajian	124
4.3	Lokasi Kajian	125
	4.3.1 <i>Hot Spot</i>	125
	4.3.2 <i>Light House</i>	126
4.4	Latar Belakang Responden	127
	4.4.1 Responden 1	127
	4.4.2 Responden 2	129
	4.4.3 Responden 3	130
	4.4.4 Responden 4	132
	4.4.5 Responden 5	133
	4.4.6 Responden 6	135
	4.4.7 Responden 7	135
	4.4.8 Responden 8	137
	4.4.9 Responden 9	138
	4.4.10 Responden 10	139
	4.4.11 Responden 11	140
	4.4.12 Responden 12	142
	4.4.13 Responden 13	143
	4.4.14 Responden 14	144
	4.4.15 Responden 15	145
	4.4.16 Responden 16	146
	4.4.17 Responden 17	147
	4.4.18 Responden 18	149
	4.4.19 Responden 19	150
	4.4.20 Responden 20	151
4.5	Temu bual Mendalam (<i>In-depth Interviews</i>)	153
4.6	Objektif Pertama: Mengkaji Profil Responden yang Bergelandangan	154
	4.6.1 Profil Responden	154
	4.6.2 Rumusan	161
4.7	Peristiwa dan Pengalaman Hidup	161
	4.7.1. Punca Bergelandangan	162

4.7.1.(a)	Masalah Kewangan	162
4.7.1.(b)	Konflik Keluarga	164
4.7.1.(c)	Ketagihan Dadah dan Alkohol	172
4.7.1.(d)	Keselesaan	174
4.7.1.(e)	Rumusan	175
4.8	Sistem Sokongan Sosial	176
4.8.1	Mikro dan Mezzo	176
4.8.2	Makro	180
4.8.3	Rumusan	184
4.9	Halangan dan Cabaran	185
4.9.1	Stigma	185
4.9.2	Halangan	189
4.9.3	Penanganan	191
4.9.4	Khidmat Bantuan	194
4.9.5	Rumusan	198
4.10	Objektif Kedua: Menganalisis Keperluan Golongan Gelandangan	198
4.10.1	Keperluan	198
4.10.2	Rumusan	201
4.11	Objektif Ketiga: Menganalisis Kewujudan dan Kesesuaian Program Semasa Yang Telah Disediakan Untuk Golongan Gelandangan	201
4.11.1	Perkhidmatan Kebajikan Untuk Golongan Gelandangan	201
4.11.2	Rumusan Hasil Kajian	211

BAB 5 : PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	214
5.2	Perbincangan	214
5.3	Objektif Kajian 1: Mengkaji Profil Responden Yang Bergelandangan	214
5.3.1	Jantina	215
5.3.2	Umur	220
5.3.3	Status Perkahwinan	221
5.3.4	Taraf Pendidikan	223
5.3.5	Pekerjaan	225

5.3.6	Kesihatan	228
5.4	Peristiwa dan Pengalaman Hidup	233
5.4.1	Masalah Kewangan	233
5.4.2	Konflik Keluarga	237
5.4.3	Keselesaan	242
5.4.4	Ketagihan Dadah dan Alkohol	247
5.5	Sistem Sokongan Sosial	251
5.5.1	Mikro dan Mezzo	251
5.5.2	Makro	256
5.6	Halangan dan Cabaran	259
5.6.1	Stigma	259
5.6.2	Halangan	263
5.7	Objektif Kedua: Menganalisis Keperluan Golongan Gelandangan	267
5.7.1	Keperluan	268
5.8	Objektif Ketiga: Menganalisis kewujudan dan Kesesuaian Program Semasa Yang Telah Disediakan Untuk Golongan Gelandangan	274
5.8.1	Perkhidmatan Kebajikan Untuk Golongan Gelandangan	274
5.8.1.(a)	Jabatan Kebajikan Masyarakat	274
5.8.1.(b)	Anjung Singgah	283
5.8.1.(c)	Pertubuhan Bukan Kerajaan NGO	288
5.9	Penemuan Baru	294
5.9.1	Golongan Putus Harap	295
5.9.2	Ketidakseimbangan Kognitif	300
5.10	Objektif Keempat: Mencadangkan Satu Bentuk Model Intervensi Kerja Sosial Dalam Usaha Meningkatkan Kefungsian Sosial dan Kesejahteraan Hidup Golongan Gelandangan	305
5.10.1	Pengukuhan Perkhidmatan Kebajikan	307
5.10.1.(a)	Memantapkan Pusat Sehenti Anjung Singgah	307
5.10.1.(b)	Memperkasakan Jabatan Kebajikan Masyarakat	310
5.10.2	Program Bantuan Ekonomi	312
5.10.2.(a)	Bantuan Kewangan dan Bimbingan Perancangan Kewangan	312

5.10.2.(b) Membangunkan Pelan Perumahan Individu Mampu Milik	315
5.10.2.(c) Meneruskan Penempatan Perlindungan Sementara	317
5.10.3 Program Sokongan Intensif	318
5.10.3.(a) Program Penjagaan Diri dan Kesihatan	318
5.10.3.(b) Kemahiran Daya Tindak (<i>Coping Skill</i>)	322
5.10.3.(c) Mengurangkan Pemberian Makanan Secara Percuma	325
5.10.3.(d) Pendekatan Temu Seru	327
5.10.3.(e) Mengurangkan Stigma dan Diskriminasi	329
5.11 Penambahbaikan Kemahiran Pekerja dan Perkhidmatan	331
5.11.1 Memartabatkan Profesion Kerja Sosial	331
5.11.2 Memantapkan Perkhidmatan Kaunseling	332
5.12 Implikasi Kajian	335
5.12.1 Implikasi Terhadap Golongan Gelandangan	335
5.12.2 Implikasi Terhadap Profesion Kerja Sosial	336
5.12.3 Implikasi Terhadap Pendidikan Kerja Sosial	339
5.12.4 Implikasi Terhadap Dasar Sosial	341
5.13 Limitasi Kajian	344
5.14 Kajian Masa Hadapan	346
5.15 Kesimpulan	347
Rujukan	350
Lampiran	371

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 1.1 Statistik golongan gelandangan yang diselamatkan bagi tahun 2007 hingga tahun 2011 (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2012)	7
Jadual 2.1 Faktor seseorang hidup bergelandangan (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2012)	9
Jadual 3.1 Statistik Gelandangan Berdaftar Di Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara (9 April 2011 hingga 17 September 2012)	11
Jadual 3.2 Jumlah Gelandangan di Pulau Pinang (Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Program Kaji Selidik Profil Gelandangan Jun 2011)	13
Jadual 4.1 Peratusan Responden Mengikut Umur, Jantina dan Status Perkahwinan	154
Jadual 4.2 Profil Responden (Umur, Jantina, Status Perkahwinan dan Bangsa)	155
Jadual 4.3 Profil Responden (Taraf Pendidikan, Negeri Asal dan Tempoh Bergelandangan)	156
Jadual 4.4 Profil Responden (Pekerjaan, Pendapatan, dan Tempat Tinggal)	158
Jadual 4.5 Profil Responden (Masalah Kesihatan dan Masalah Ketagihan)	160
Jadual 4.6 Petikan Temubual Bersama Responden (Masalah Kewangan)	163
Jadual 4.7 Petikan Temubual Bersama Responden (Konflik Kekeluargaan)	168
Jadual 4.8 Petikan Temubual Bersama Responden (Ketagihan Dadah dan Alkohol)	173
Jadual 4.9 Petikan Temubual Bersama Responden (Keselesaan)	174
Jadual 4.10 Petikan Temubual Bersama Responden (Mikro Mezzo)	177

Jadual 4.11 Petikan Temubual Bersama Responden (Mikro Mezzo)	179
Jadual 4.12 Petikan Temubual Bersama Responden (Makro)	181
Jadual 4.13 Petikan Temubual Bersama Responden (Makro)	183
Jadual 4.14 Petikan Temubual Bersama Responden (Stigma)	187
Jadual 4.15 Petikan Temubual Bersama Responden (Halangan)	190
Jadual 4.16 Petikan Temubual Bersama Responden (Penanganan)	192
Jadual 4.17 Petikan Temubual Bersama Responden (Khidmat Bantuan)	195
Jadual 4.18 Petikan Temubual Bersama Responden (Khidmat Bantuan)	197
Jadual 4.19 Petikan Temubual Bersama Responden (Keperluan)	199
Jadual 5.1 Profil Petugas	203
Jadual 5.2 Petikan Temubual Bersama Petugas (Bentuk Bantuan)	204
Jadual 5.3 Petikan Temubual Bersama Petugas (Halangan)	205
Jadual 5.4 Petikan Temubual Bersama Petugas (Kaedah Pemberian Bantuan)	207
Jadual 5.5 Petikan Temubual Bersama Petugas (Cadangan)	209
Jadual 6.1 Rumusan Hasil Kajian	212

SENARAI RAJAH RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.1 Hierarki Keperluan Maslow	80
Rajah 1.2 Transaksi Tekanan/Model Daya tindakerdasarkan kepada teori yang dibangunkan oleh Lazarus dan Folkman (1984)	95
Rajah 2.1 Kerangka Konseptual (<i>Conceptual Framework</i>)	100
Rajah 4.1 Profil Responden	161
Rajah 4.2 Peristiwa dan Pengalaman Hidup	176
Rajah 4.3 Sistem Sokongan Sosial	185
Rajah 4.4 Keperluan Golongan Gelandangan	201
Rajah 5.1 Penemuan Tema Baru	305
Rajah 5.2 Model Intervensi Psikodinamik dan Perkhidmatan Kerja Sosial	334

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

Lampiran A : Lampiran Kenyataan Jaminan kepada Responden	371
Lampiran B : Borang Persetujuan	373
Lampiran C : Borang Maklumat (Gelandangan)	374
Lampiran D : Panduan Soalan Kajian (Gelandangan)	375
Lampiran E : Borang Maklumat (Pekerja/Sukarelawan)	379
Lampiran F : Panduan Soalan Kajian (Pekerja/Sukarelawan)	380
Lampiran G : Transkrip Verbatim (Gelandangan)	381
Lampiran H : Transkrip Verbatim (Petugas/Sukarelawan)	464

DINAMIK KEHIDUPAN GOLONGAN GELANDANGAN

DI PULAU PINANG

ABSTRAK

Kehidupan bergelandangan memberi impak negatif kepada kesejahteraan dan kefungsian sosial kehidupan individu yang bergelandangan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji demografi responden yang bergelandangan; menganalisis keperluan golongan gelandangan; menganalisis kewujudan dan kesesuaian program semasa yang telah disediakan untuk golongan gelandangan; dan yang terakhir mencadangkan satu bentuk model intervensi kerja sosial yang bersesuaian dalam usaha meningkatkan kefungsian sosial dan kesejahteraan hidup golongan gelandangan. Kajian ini melibatkan temubual mendalam dengan seramai 20 orang individu yang bergelandangan dan lima orang petugas yang mempunyai pengalaman bekerja secara langsung dengan golongan gelandangan. Penemuan kajian telah dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kandungan dan mendapati kewujudan golongan gelandangan ini adalah hasil daripada kepincangan sistem sosial, kelemahan khidmat sokong bantu dan sikap golongan gelandangan itu sendiri. Penemuan kajian juga menunjukkan terdapat penemuan baru yang menjelaskan bahawa gelandangan mengalami pelbagai kecelaruan kognitif dan kerapkali berhadapan dengan kehidupan harian yang negatif. Di akhir kajian ini, satu analisis cadangan intervensi dalam konteks perkhidmatan kerja sosial telah dibincangkan berdasarkan keperluan semasa yang telah disuarakan oleh kesemua responden kajian. Model yang diperkenalkan ini jelas menjurus kepada program pemerkasaan terhadap golongan gelandangan yang merangkumi aspek pengukuhan perkhidmatan

kebijakan, program sokongan intensif, program bantuan ekonomi dan penambahbaikan kemahiran pekerja dan perkhidmatan.

THE LIVING DYNAMICS OF HOMELESS POPULATION IN PENANG

ABSTRACT

Life of homelessness causes negative impact on the wellbeing and social functioning of the individual. The objectives of this study were to examine the demographic of homeless population; analyze the needs of the homeless; analyze the existence and relevance of the existing programme; and to propose a suitable social work model intervention in order to enhance the social functioning and wellbeing of the homeless. This study involve an in-depth interview with a total of 20 homeless respondents and five workers who worked directly with homeless people. Study findings have indicated that the existence of homeless were caused by the drawback of the social system, lack of support system, as well as due to the attitude of the homeless. The study findings also discovered that homeless respondents who suffered from various form of cognitive distortion often experience negative daily life. Finally, a suggested intervention from the context of social work services has been discussed based on the respondent's current needs. The introduced model mainly focus on the empowerment programmes for the homeless, comprising the strengthening of the welfare services, intensive support programmes, economic assistance programmes and enhancing the skills of workers and services.

BAB 1

1.1 Pendahuluan

Gelandangan (*homeless*) bukanlah satu fenomena baru melanda negara kita Malaysia. Kewujudannya mereka sangat diperkatakan dan dibincangkan di setiap peringkat. Walhal kewujudan mereka telah lama ada sebelum ia mula menjadi perhatian ramai. Kebelakangan ini, isu gelandangan mula menjadi tumpuan dan sebutan sebagai fenomena sosial yang dilihat sebagai aktiviti yang kurang sihat. Hal ini telah menyebabkan timbul kegusaran dalam kalangan masyarakat dan di pihak kerajaan apabila bilangan gelandangan kian meningkat. Jumlah gelandangan yang ramai dapat dilihat di bandaraya seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor, Perak, Sarawak dan sebagainya.

Namun, sesetengah pihak menganggap perkara ini sebagai satu isu sosial yang enting. Hakikat keadaan ini sebenarnya bukan sahaja memberi impak kepada masyarakat malah ia juga memberi kesan kepada bandar atau negeri yang dihuni gelandangan. Perkara ini secara tidak langsung berpotensi menjelaskan imej dan reputasi sesebuah negara. Oleh yang demikian, isu gelandangan ini tidak boleh dianggap sebagai isu terpencil. Sekiranya dibiarkan ia mampu mengundang pelbagai risiko sosial yang lain sehingga mengancam kesejahteraan hidup.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010), gelandangan ditakrifkan sebagai orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap, tidak tentu kediamannya juga pekerjaannya. Selain itu, Mapstone (2002) dalam kenyataannya mentafsir gelandangan sebagai:

“... an inadequate experience of connectedness of family and or community”
(*homeless.org.au*).

Terdapat juga pendapat yang menyatakan istilah gelandangan atau homeless ini terkait dengan beberapa makna atau terjemahan yang saling bersangkutan. Caplow, Bahr dan Sternberg (1968) menyatakan bahawa:

“... homelessness is a condition of detachment from society characterised by the absence or attenuation of the affiliative bonds that link settled person to a network of interconnected social structures” (homeless.org.au).

Pendapat lain menyatakan bahawa gelandangan berkait rapat dengan ketiadaan rumah atau *Houselessness* yang diterjemahkan sebagai:

“...an inadequate of shelter experince of shelter, ranging from a complete lack of shelter at one end of the continuum to severely inadequate housing conditions at the other” (homeless.org.au).

Berdasarkan kepada beberapa terjemahan yang telah diberikan, golongan gelandangan ini dijelaskan sebagai individu tidak mempunyai rumah, hidup berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti kaum *Nomad*. Mereka bukan sahaja tidak mempunyai tempat tinggal mahupun pekerjaan malah mereka ini dikategorikan sebagai individu yang kehilangan kefungsian dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa gelandangan merupakan individu yang tercicir pada kefungsian sosial dalam menjalani norma kehidupan seperti individu yang kefungsian sosialnya berfungsi dengan baik. Forchuk et al. (2011) menyatakan bahawa individu yang bergelandangan merupakan pengakhiran kepada kepincangan sosioekonomi dalam masyarakat yang tidak menyebelahi mereka. Malah ia juga disebabkan oleh faktor interaksi sosial yang kurang baik telah menyebabkan mereka bergelandangan. Kenyataan ini turut disokong oleh Gaetz, Donaldson, Richter dan Gulliver (2013).

Terdapat satu konsep gelandangan yang dibangunkan pada oleh Rossi (1989) pada awal kemunculan gelandangan, menyatakan bahawa golongan gelandangan adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai sebarang akses terhadap tempat tinggal. Mereka hidup dijalanan dan di kawasan yang difikirkan sesuai untuk menjadi tempat berlindung dan menjalani kehidupan harian. Tempat yang sering dijadikan tempat berlindung antaranya seperti di dalam bangunan yang terbengkalai, stesen kereta api, stesen bas dan sebagainya. Namun, dalam kata lain, terdapat pelbagai perkataan yang digunakan bagi menggambarkan golongan gelandangan mengikut fahaman dan budaya sesebuah tempat. Oleh yang demikian, ia akan membawa kepada satu konotasi yang berbeza mengikut kepada perspektif masing-masing yang adakalanya begitu halus untuk difahami.

Glasser (1994), menyatakan beberapa negara membangun melihat isu gelandangan ini sebagai satu kecenderungan individu yang tidak mempunyai rumah adalah disebabkan oleh masalah peribadi. Di India, gelandangan dilihat sebagai orang yang tidak memiliki rumah sebagai tempat perlindungan. Hal ini sering dikaitkan dengan isu kekurangan perumahan yang mampu milik. Beberapa pengkaji lain turut memberi pendapat masing-masing dengan istilah yang berbeza. Sebagai contoh, gelandangan juga di kenali dengan '*rooflessness*' yang menunjukkan bahawa gelandangan ini terdiri daripada golongan yang tiada tempat tinggal dan menjadikan kawasan jalanan, bangunan terbiar dan kawasan lorong sunyi sebagai tempat meneruskan kelangsungan hidup. Kegiatan bergelandangan ini dianggap sebagai aktiviti yang kurang sihat kerana mendiami sesebuah tempat secara haram (Glasser, 1994).

McNeil, Guirguis, Dilley, Turnbull dan Hwang (2013) dalam kajian mereka menyatakan bahawa golongan gelandangan adalah terdiri daripada golongan yang

kehilangan tempat tinggal, ketiadaan dan kehilangan kuasa sosial, ketiadaan kewangan dan kemerosotan keadaan sosial untuk menyokong. Kemusnahan keadaan sosial individu yang telah menjaskas keupayaan seseorang untuk memenuhi keperluan asas mereka termasuk penjagaan kesihatan sehingga menggugat keharmonian hidup.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada masalah ini berlaku. Amato dan Macdonald (2011), Dail (2000), dan laporan daripada National Coalition for the Homeless (2010) menyatakan bahawa hal ini berlaku antaranya adalah disebabkan oleh masalah kekurangan rumah mampu milik yang disebabkan oleh masalah kemiskinan. Kadar kos upah bulanan pekerjaan yang rendah menyebabkan mereka tidak mampu untuk memiliki rumah mahupun menyewa. Kehilangan tempat tinggal juga menjadi antara punca yang membawa kepada kehidupan bergelandangan. Bagi golongan wanita, faktor yang menolak mereka terlibat dalam masalah ini adalah di sebabkan masalah keganasan rumah tangga. Kadar menyewa rumah yang mahal juga antara faktor yang menjadi penyumbang kepada permasalahan ini. Selain itu, sikap individu yang terlibat dengan masalah penagihan bahan terlarang seperti alkohol dan dadah juga antara punca mereka terjebak sebagai penyumbang kepada isu ini.

Hasil laporan kajian yang dikeluarkan oleh National Coalition for the Homeless (NCH, 2010) gelandangan merupakan seseorang yang tidak mempunyai kediaman tetap dan selesa pada waktu malam. Selain itu, laporan yang dikeluarkan oleh United Nations Commission on Human Rights (UNCHR, 2005) jumlah gelandangan di seluruh dunia dianggarkan sekitar 100 juta orang. Jika mengikut pecahan untuk beberapa buah negara di dunia, Eropah mencatatkan sebanyak tiga juta gelandangan di negara tersebut. Di Argentina pula didapati sebanyak 15,000

orang terdiri daripada gelandangan. Di Austria pula menunjukkan seramai 2000 gelandangan secara kasar tidur di kaki lima, di mana seramai 12,000 orang juga di Austria di tempatkan di tempat perlindungan sementara yang telah disediakan menjadikan jumlah di Austria seramai 14,000 orang yang bergelandangan.

Di Belgium pula, individu yang bergelandangan tidak ramai seperti di Brazil. Di Belgium jumlahnya hanya 12,000 orang yang bergelandangan. Manakala di Brazil bilangan gelandangan seramai 20 juta orang telah dicatatkan. Mereka ini terdiri daripada individu yang tidak mempunyai tempat tinggal, kehilangan tempat tinggal, tinggal di bilik rahsia atau bilik tumpangan, di bawah jejambat, atau tinggal di kawasan setinggan di beberapa buah bandar besar di Brazil seperti di Rio de Janiero dan Sa Paulo. Sebanyak 9,6547,22 juta gelandangan dicatatkan di Columbia. Hal ini berbeza pula dengan negara Canada yang mencatatkan jumlah gelandangan di negara itu sebanyak 9,465 yang boleh didapati sekitar kawasan Ontario dan Quebec (United Nations Commision on Human Right, 2005).

Bagi Crotia dicatatkan sebanyak 2.3 juta orang bergelandangan, Finland mencatatkan jumlah sebanyak 25,400 orang, manakala bagi France, Germany dan Greece masing-masing mencatatkan jumlah gelandangan yang sama iaitu sebanyak 20,000 orang (UNCHR, 2005). Di Hong Kong pula, sebanyak 52.7% gelandangan yang berumur 49 tahun dan ke atas manakala sebanyak 18% adalah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pendidikan secara normal. India mencatatkan angka tertinggi apabila jumlah gelandangan di negara itu menunjukkan sebanyak 78 juta pada tahun 2003. Indonesia pula menunjukkan angka gelandangan adalah sebanyak 3,000,00 orang. Di Jepun, Netherlands, Palestin pula menunjukkan jumlah gelandangan sebanyak 25,296, 30,000 dan 24,145 masing-masing. Manakala di

Filipina adalah seramai 32.8 juta orang yang merupakan 40% daripada penduduk negara itu (UNCHR, 2005).

Dalam pada itu juga, UNCHR (2005) menunjukkan jumlah gelandangan di United Kingdom seramai 10,459 yang didapati tidur di kawasan jalanan manakala yang menetap di penempatan sementara adalah seramai 98,750. Statistik di United Kingdom juga menunjukkan bahawa 63% gelandangan bagi kaum wanita adalah disebabkan oleh masalah keganasan rumah tangga. Manakala sebanyak 40% adalah disebabkan oleh penderaan seksual. Di Amerika Syarikat pula seramai 600,000 hingga 2.5 juta orang. Satu juta adalah terdiri daripada kanak-kanak di bawah umur. Manakala 18.40% adalah keluarga bersama anak, 41% adalah lelaki yang bujang dan perempuan yang belum berkahwin mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 14%.

Di Malaysia, isu ini juga tidak terkecuali diletakkan dalam laporan statistik negara. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM, 2012) melalui pembentangan di Parlimen menunjukkan jumlah golongan gelandangan di Malaysia bagi tahun 2007 hingga tahun 2011 yang diperolehi dengan menggunakan sistem maklumat golongan gelandangan. Seramai 7,833 orang gelandangan telah diselamatkan oleh JKMM bagi tempoh 2007 hingga Disember 2011. Berdasarkan statistik tersebut, didapati bahawa pada tahun 2007 seramai 1,261 orang gelandangan telah diselamatkan oleh JKMM. Bagi tahun 2008 pula seramai 1,796 dan diikuti pada tahun 2009 yang menunjukkan peningkatan angkanya. Hal ini menjadikan jumlah gelandangan yang diselamatkan oleh JKMM pada tahun 2009 seramai 1,934 orang. Manakala bagi tahun 2010, seramai 1,434 orang dan menurun pada tahun 2011 yang menunjukkan jumlah pada tahun itu sebanyak 1,408 orang (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2012).

Berasaskan statistik di atas, jelas menunjukkan bahawa golongan gelandangan yang wujud di Malaysia bukan dalam jumlah yang sedikit. Berdasarkan kepada jumlah statistik ini juga menunjukkan bahawa isu ini sememangnya perlu ditangani dengan segera. Jika dilihat kepada projek pemetaan yang dibuat ke atas gelandangan bagi program menyelamatkan gelandangan hanya tertumpu kepada beberapa kawasan yang dikenali sebagai “*Hot Spot*”. Oleh yang demikian, penyelidik melihat tindakan ini masih lagi diperengakat yang sangat minima dan masih tidak menyeluruh. Jadual 1.1 menunjukkan statistik golongan gelandangan yang telah di selamatkan bagi tahun 2007 seperti dibawah.

Jadual 1.1

Statistik Golongan Gelandangan yang Diselamatkan Bagi Tahun 2007 Hingga Tahun 2011 (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2012).

Tahun	Bilangan Gelandangan
2007	1,261
2008	1,796
2009	1,934
2010	1,434
2011	1,408

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2012).

Statistik sama yang dikeluarkan oleh JKMM juga menunjukkan beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu hidup bergelandangan. Kewujudan gelandangan di Malaysia antara faktor yang digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia adalah disebabkan oleh ketiadaan pekerjaan yang menunjukkan jumlahnya sebanyak 646 orang atau 46.6%. Faktor kedua pula adalah disebabkan oleh kemiskinan dan berpendapatan rendah. Bagi faktor tersebut seramai

245 orang yang membawa kepada 17.7%. Kemiskinan, tua dan sebatang kara juga menyebabkan seseorang itu bergelandangan. Jumlah mereka adalah seramai 145 orang atau 10.5%. Penagihan dadah dan pengabaian juga menyebabkan mereka bergelandangan. Jumlah yang dicatatkan adalah sebanyak 66 orang atau 4.8 peratus bagi penagihan dadah dan 61 orang atau 4.4 peratus disebabkan oleh pengabaian (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2012).

Masalah kemiskinan dan faktor umur yang meningkat juga menjadi faktor kepada isu yang dibincangkan. Jumlahnya adalah seramai 50 orang atau 3.6 peratus. Manakala faktor masalah mental seramai 30 orang, sakit melarat seramai 29 orang dan tiada tempat tinggal pula jumlahnya 27 orang. Manakala peratus bagi setiap satu faktor tersebut adalah sebanyak 2.2 peratus, 2.1 peratus dan 1.9 peratus. Diikuti pula dengan faktor lain yang menyebabkan ada di antara rakyat Malaysia bergelandangan. Faktor tersebut adalah terdiri daripada bekas banduan seramai 16 orang atau 1.2 peratus, ketidakupayaan seramai 15 atau 1.1 peratus, lari dari rumah seramai 14 orang atau 1.0 peratus, masalah keluarga seramai lapan orang atau 0.6 peratus, kemurungan pula seramai tujuh orang atau 0.5 peratus. Bagi faktor yang berpunca daripada penagihan arak pula mencatatkan jumlah seramai tujuh orang atau 0.5 peratus, warga asing terdampar seramai orang atau 0.4 dan akhir sekali diikuti dengan faktor penerimaan keluarga yang menunjukkan jumlah seramai tiga orang atau 0.2 peratus. Sebab yang tidak dapat dikenal pasti adalah sebanyak 13 orang atau 1.0 peratus. Faktor ini telah dikenalpasti oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia berdasarkan kepada kajian profil awal yang dilakukan ke atas 1,378 orang di bandar raya Kuala Lumpur. Jadual 2.1 menunjukkan faktor seseorang hidup bergelandangan seperti di bawah.

Jadual 2.1

Faktor Seseorang Hidup Bergelandangan (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2012)

Faktor Bergelandangan	Jumlah(orang)	Peratus (%)
Ketiadaan Pekerjaan	646	46.6%
Miskin Berpendapatan	245	17.7%
Miskin, Tua, dan Sebatang Kara	145	10.5%
Penagihan Dadah	66	4.8%
Pengabaian	61	4.4%
Miskin dan Tua	50	3.6%
Masalah Mental	30	2.2%
Sakit Melarat	29	2.1%
Tiada Tempat Tinggal	27	1.9%
Bekas Banduan	16	1.2%
Ketidakupayaan	15	1.1%
Lari Dari Rumah	14	1.0%
Masalah Keluarga	8	0.6%
Kemurungan	7	0.5%
Penagihan Arak	7	0.5%
Warga Asing Terdampar	5	0.4%
Penerimaan Keluarga	3	0.2%
Tidak Dikenalpasti Sebab	13	1.0%

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2012).

Berdasarkan kepada statistik ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN), telah mengambil inisiatif menyediakan rumah untuk golongan gelandangan atau ‘*Home for the Homeless*’ di Bangunan Ehsan, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Anjung Singgah. Golongan gelandangan ini adalah di antara golongan ‘at-risk’ yang diberi perhatian di bawah Projek Kemasyarakatan di bawah Program Transformasi Kerajaan NKRA.

Anjung Singgah menyediakan perkhidmatan secara holistik yang dapat membantu golongan gelandangan dari segi pendaftaran, penyediaan khidmat bantuan untuk mendapatkan peluang pekerjaan, kemudahan perumahan, kaunseling dan

bantuan kebajikan kepada mereka yang layak. Bagi memantapkan proses intervensi, kemudahan tempat penginapan untuk tempoh satu hingga dua minggu disediakan dalam usaha untuk membantu mereka berdikari dan mencari pekerjaan serta mendapatkan penginapan yang sesuai. Anjung Singgah juga menyediakan kemudahan bilik kaunseling, bilik penginapan lelaki dan perempuan yang boleh menempatkan 76 orang gelandangan pada satu-satu masa.

Pusat sehenti ini ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) iaitu sebuah badan pemegang amanah *Body Corporate* kebajikan yang bertindak sebagai tambahan (*auxiliary*) kepada kerajaan di bawah KPWKM. YKN mempunyai pengalaman dalam pelbagai program berbentuk kebajikan bagi golongan yang memerlukan di negara ini. KPWKM yakin YKN dapat mengendalikan pusat ini dengan berkesan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan dalam menangani masalah gelandangan khasnya sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Bagi penempatan untuk orang gelandangan yang berdaftar di Anjung Singgah, KPWKM turut bekerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bagi memastikan mereka mendapat pekerjaan sesuai. Bagaimanapun, tidak menafikan terdapat segelintir golongan gelandangan yang kembali ke kehidupan asal selepas dibantu kerajaan. Tiga buah lagi Anjung Singgah telah dibuka di beberapa buah negeri lain antaranya adalah negeri Sarawak, Johor dan Pulau Pinang. Penubuhannya adalah berikutkan jumlah gelandangan yang dicatatkan adalah tinggi di setiap negeri yang telah dinyatakan.

Pihak Yayasan Kebajikan Negara menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengeluarkan statistik terkini gelandangan yang berdaftar dengan di Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara. Statistik jumlah gelandangan yang dikeluarkan ini adalah bermula pada awal penubuhan Anjung Singgah bertarikh 9 April 2011 sehingga 17 September 2012. Statistik ini merangkumi jumlah gelandangan

mengikut bangsa, jantina serta jumlah keseluruhan. Bagi gelandangan berbangsa Melayu yang berdaftar, jumlah yang dicatatkan adalah seramai 355 orang bagi kaum lelaki dan seramai 83 orang perempuan. Jumlah keseluruhan yang dicatatkan oleh bangsa Melayu adalah seramai 438 orang. Diikuti dengan bangsa Cina yang mencatatkan jumlah statistik berdaftar seramai 84 bagi jantina lelaki manakala 13 orang bagi perempuan. Jumlah keseluruhan bagi bangsa Cina adalah seramai 97 orang.

Bagi bangsa India pula mencatatkan seramai 40 orang lelaki yang berdaftar dan 22 orang perempuan menjadikan jumlah sebanyak 62 orang. Lain-lain bangsa menunjukkan jumlah sebanyak 21 orang lelaki yang berdaftar diikuti seramai lapan orang jantina perempuan. Jumlah bagi lain-lain bangsa adalah sebanyak 29 orang. Jumlah keseluruhan gelandangan yang berdaftar dengan Anjung Singgah YKN adalah seramai 626 orang. Statistik ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu mendominasi jumlah statistik gelandangan yang berdaftar di Anjung Singgah. Statistik gelandangan yang berdaftar dengan Anjung Singgah seperti dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1

*Statistik Gelandangan Berdaftar Di Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara
(9 April 2011 hingga 17 September 2012)*

Bangsa	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Melayu	355	83	438
Cina	84	13	97
India	40	22	62
Lain-lain	21	8	29
Jumlah Keseluruhan			626 orang

Sumber: Yayasan Kebajikan Negara (YKN, 2012).

Perkara ini menunjukkan satu penanda aras bahawa masalah gelandangan ini wajar dititik beratkan disamping mencari kaedah yang bersesuaian bagi menyekat pertambahan jumlah orang yang bergelandangan.

1.2 Penyataan Masalah

Pulau Pinang juga merupakan antara negeri yang mempunyai masalah aktiviti bergelandangan. Namun, rekod yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang tidak menggambarkan jumlah keseluruhan gelandangan di Pulau Pinang. Hal ini kerana, hanya sekali sahaja mereka melakukan program kaji selidik biodata gelandangan di Pulau Pinang iaitu pada Jun 2011. Kaji selidik yang dilakukan hanya di kawasan tertentu sahaja. Antara kawasan yang pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang adalah di sekitar KOMTAR, jeti, Jalan Masjid Kapitan Keling, dan Jalan Penang. Kawasan ini dikatakan merupakan lokasi utama tempat bergelandangan. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Pulau Pinang, dicatatkan hanya terdapat seramai 69 orang gelandangan dengan pecahan 97% dalam kalangan golongan lelaki dan dua hingga 3.0 peratus adalah perempuan (Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, 2011). Kesemua mereka ini adalah terdiri daripada warganegara Malaysia. Statistik ini adalah berdasarkan kepada empat lokasi utama yang dipercayai menjadi tumpuan utama golongan gelandangan. Jumlah gelandangan di Pulau Pinang dijelaskan dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2

Jumlah Gelandangan di Pulau Pinang (Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat,

Program Kaji Selidik Profil Gelandangan Jun 2011)

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	67	97%
Perempuan	2	3%

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Jun 2011.

Sehubungan itu juga, jika dilihat kepada statistik sama yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (2011) menunjukkan gelandangan yang berada di Pulau Pinang terdiri daripada individu yang datang dari pelbagai negeri. Antaranya dari negeri Perak seramai 12 orang, negeri Kedah 11 orang, negeri Melaka seramai dua orang, manakala yang berasal dari negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang masing-masing mencatatkan hanya seorang. Bagi individu yang berasal dari Perak dan Kedah mencatatkan penghijrahan jumlah yang tinggi kerana Pulau Pinang merupakan negeri yang hampir bagi negeri Perak dan Kedah. Jumlah yang tertinggi dalam statistik tersebut mencatatkan seramai 41 orang yang sememangnya individu yang berasal dari negeri Pulau Pinang sendiri. Ini menunjukkan bahawa wujud golongan yang bergelandangan di Pulau Pinang adalah dalam masyarakat setempat itu sendiri. Namun jumlah bagi statistik tersebut adalah tidak menyeluruh bagi negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat di Pulau Pinang sendiri memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang data lengkap berhubung dengan demografi, karakteristik, dan faktor menolak secara terperinci bagi mengetahui golongan gelandangan ini secara dengan lebih mendalam. Hal ini dinyatakan sendiri oleh penolong pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang dalam temu bual pada 11 Jun 2012 (temu bual peribadi, 2012). Dalam

temunbul tersebut juga didapati bahawa pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memiliki statistik jumlah gelandangan dengan tepat.

Berdasarkan kepada limitasi data statistik yang diperolehi, isu kewujudan golongan gelandangan bukan satu masalah sosial yang biasa dan dibiarkan begitu sahaja tanpa diambil sebarang tindakan. Perkara ini perlu dipandang serius dan dikaji secara mendalam dan dinamik. Orang yang bergelandangan banyak menghabiskan masa mereka di sekitar ruang awam. Perkara ini akan memberi kesan terhadap kualiti hidup mereka (Davis, 1990). Davis (1990) juga menyatakan bahawa orang yang bergelandangan akan menyebabkan sesebuah tempat itu akan kelihatan kecil dan miskin. Malah bergelandangan juga mengakibatkan kepada gangguan terhadap hubungan sosial individu.

Graser (2000) turut menyatakan bahawa golongan gelandangan dianggap sebagai pembawa kesan negatif terhadap kehidupan di pusat-pusat bandar. Orang yang bergelandangan menjadi penghalang kepada kejayaan untuk mempromosikan perdagangan dan perlancongan. Hal ini kerana, ia bertindak balas di atas sikap golongan yang berpeleseran di tempat-tempat awam, berada dalam keadaan mabuk dan mengganggu ketenteraman awam. Malahan mereka juga boleh memberi kesan negatif terhadap orang awam dan dikaitkan melakukan gangguan seksual, rogol dan masalah penggunaan dadah secara tidak selamat (O'Grady & Greene, 2003).

Selain daripada membawa kesan kepada masyarakat, golongan gelandangan ini juga adakalanya menjadi mangsa kepada orang awam. Mereka yang kehilangan tempat tinggal atau sememangnya tidak mempunyai tempat tinggal terdedah kepada beberapa bentuk penganiayaan seperti rompakan dan kecurian, serangan secara fizikal dan seksual. Penganiayaan yang terjadi terhadap mereka juga sering

mengakibatkan kematian dalam kalangan gelandangan (National Coalition for the Homeless, 2008).

Matraux dan Culhane (2004) dalam kajian mereka ada menyatakan bahawa ketiadaan tempat tinggal dan ketidakstabilan terhadap perumahan mempengaruhi gaya hidup golongan gelandangan. Perkara ini membawa kepada pengalaman negatif seperti berlaku trauma, penganiayaan, masalah kesihatan, kelaparan, penyalahgunaan dadah, dan masalah kesihatan yang melibatkan mental. Laporan National Coalition for the Homeless (2008) juga memaklumkan bahawa situasi tidak memiliki rumah secara tetap dengan kehidupan bergelandangan digambarkan dengan keadaan sebuah kesakitan dan keperitan hidup. Kenyataan ini turut disokong oleh dua kajian yang berasingan oleh DeWard dan Meo (2010).

Homeless Research Article (2011) menyebut golongan ini tidak berusaha mencuba untuk membantu diri sendiri atau orang lain. Mereka juga didapati sering berbohong dan menipu. Malah adakalanya melakukan pemerasan kepada masyarakat setempat. Golongan ini dilihat seperti tidak mahu mencari jalan keluar kepada masalah yang dihadapi mereka. Biarpun beberapa langkah awal diambil oleh pihak yang berwajib, mereka masih lagi memilih untuk hidup dengan memakan sisa makanan daripada tong sampah, tinggal di lorong-lorong dan bangunan terbiar. Hal ini menjadi persoalan apakah mereka tidak sedar dengan kualiti hidup yang sihat dan sejahtera atau mereka sebenarnya menafikan tentang kehidupan yang lebih sihat adalah yang terbaik dalam kehidupan harian. Bahkan, laporan The National Charity for Single Homeless People (2013) menyatakan bahawa trend bagi tahun 2010 dan ke atas menunjukkan beberapa titik perubahan dan penanda aras bahawa semua bentuk penolakan kepada situasi bergelandangan adalah meningkat. Perkara ini membawa kepada kegusaran banyak pihak. Cronley (2010) turut menyatakan

bahawa individu yang miskin dan tidak menerima sebarang bantuan adalah penyumbang kepada fenomena bergelandangan.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada isu yang telah diutarakan di atas, kajian ini dilihat penting bagi mengetahui secara mendalam tentang dinamik golongan bergelandangan yang terdapat di Malaysia khususnya di negeri Pulau Pinang. Melalui kajian ini penyelidik berpeluang melihat sejauh mana kehidupan bergelandangan ini memberi kesan kepada kehidupan seseorang. Kajian ini juga adalah untuk menjawab persoalan-persoalan tentang gaya hidup golongan yang bergelandangan dan risiko-risiko yang mereka hadapi semasa bergelandangan. Hal ini kerana, kelangsungan hidup menuntut setiap individu untuk mendapat kehidupan yang baik, selamat dan sejahtera.

Selain itu, kajian ini juga perlu dilakukan bagi memahami kehendak dan keperluan golongan gelandangan, supaya mereka dapat bangkit membantu diri dan mengubah cara hidup mereka ke arah yang lebih sihat dan positif. Keperluan melakukan kajian ini juga, disebabkan terdapat stigma dan diskriminasi dari segi persekitaran orang yang bergelandangan. Perkara ini akan menyebabkan golongan yang bergelandangan mengelak untuk berada bersama dengan ahli masyarakat bagi mendapatkan sebarang khidmat bantuan. Sekiranya, tidak ada sebarang pencegahan terhadap stigma dan diskriminasi, dikuatirinya perkara ini mampu membunuh peningkatan kualiti hidup orang yang bergelandangan dalam memperjuangkan hak dan kesamarataan dalam menikmati hidup yang sempurna.

Keseriusan melakukan kajian ini juga adalah untuk melihat dan memastikan sama ada golongan ini menerima atau tidak sebarang bentuk bantuan sokong bantu dan perkhidmatan kebaikan yang disediakan oleh pihak berwajib. Memandangkan golongan ini layak untuk mendapat sebarang bentuk bantuan dari setiap peringkat

sama di peringkat mikro, mezzo dan makro berikutan kelangsungan hidup yang serba kekurangan. Oleh itu, mengetahui secara mendalam tentang golongan gelandangan adalah sesuatu cabaran yang unik dan memerlukan usaha yang lebih dan komitmen yang tinggi. Hal ini kerana mengkaji tentang gelandangan akan membawa kepada satu tekanan terhadap bidang kerja sosial memandangkan mereka adalah golongan yang kurang memberi respon disebabkan oleh masalah yang dihadapi mereka (Aviram & Katan, 1991).

Justeru, kajian ini sememangnya amat penting dilakukan bagi membolehkan penyelidik mengetengahkan sebarang bentuk strategi intervensi yang bersesuaian bagi memastikan fenomena ini tidak terus berlarutan. Memandangkan kajian ini belum pernah dilakukan di Pulau Pinang, diharapkan hasil kajian ini dapat meningkatkan kualiti mutu perkhidmatan bidang kerja sosial. Hal ini kerana kerja sosial adalah satu profesi yang mempunyai kecekapan dalam memberi respon untuk menangani isu-isu yang melibatkan gangguan terhadap kefungsian sosial manusia (International Federation of Social Workers, 2000). Kepakaran dan kemahiran yang ada pada pekerja sosial mampu memperkasakan golongan ini supaya menikmati kesejahteraan hidup yang sempurna.

Oleh yang demikian, kajian ini akan dilakukan bagi memfokus kepada isu-isu dinamik yang berbangkit dalam memahami golongan gelandangan. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu setiap peringkat mikro, mezzo dan makro untuk sama-sama melaksanakan kaedah intervensi yang bersesuaian bagi mencapai matlamat membangunkan semula kehidupan golongan gelandangan agar mereka juga dapat menikmati hidup yang lebih baik menepati norma-norma kehidupan.

1.3 Persoalan Kajian

- Apakah latarbelakang demografi responden bergelandangan?
- Apakah keperluan golongan gelandangan?
- Sejauh mana golongan gelandangan mengetahui tentang kewujudan program untuk mereka; sejauh mana program tersebut dapat membantu golongan gelandangan; dan apakah bentuk model intervensi yang bersesuaian untuk mereka?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif yang digariskan dalam penyelidikan ini. Antara objektif bagi kajian yang dijalankan ini adalah:

- Mengkaji demografi responden yang bergelandangan.
- Menganalisis keperluan golongan gelandangan.
- Menganalisis kewujudan dan kesesuaian program semasa yang telah disediakan untuk golongan gelandangan.
- Mencadangkan satu bentuk model intervensi kerja sosial yang bersesuaian dalam usaha meningkatkan kefungsian sosial dan kesejahteraan hidup golongan gelandangan.

1.5 Signifikan Kajian

1.5.1 Signifikan Terhadap Praktis Kerja Sosial

Profesion kerja sosial itu sendiri adalah untuk meningkatkan kualiti dan kefungsian hidup individu, kumpulan maupun masyarakat. Justeru, berdasarkan kepada isu yang telah diutarakan oleh penyelidik, perkara ini perlu dikaji dengan lebih mendalam. Hal ini adalah disebabkan negeri Pulau Pinang sendiri tidak mempunyai sebarang rekod yang lengkap tentang demografi, karakteristik, dan faktor yang mendorong kepada masalah gelandangan. Malah penyelidik juga

mendapati bahawa masih belum ada sebarang kajian terhadap golongan ini di Pulau Pinang. Kaedah pencegahan jangka panjang perlu dilakukan bagi mengawal peningkatan jumlah gelandangan. Penglibatan profesion kerja sosial dilihat satu kepentingan dan keperluan segera bagi membantu mencari kaedah bersetujuan bagi menangani masalah ini.

Biar pun perkara ini bagi setengah-setengah pihak menganggap ia tidak akan menjelaskan keharmonian sejagat, namun menjadi tanggungjawab pekerja sosial memainkan peranan secara aktif dalam mengurangkan kesan psikososial yang mampu mencabar kesejahteraan hidup golongan gelandangan. Malahan, tanggungjawab profesional kerja sosial perlu dilaksanakan tanpa perlu menunggu sehingga sesuatu perkara itu menjadi serius. Perkara ini sendiri ditekankan oleh International Federation of Social Workers (IFSW) dan International Association of Schools of Social Work (IASSW, 2004) dengan menyatakan bahawa profesion kerja sosial adalah salah satu agen pengubah dalam sistem sosial yang melibatkan proses penyelesaian masalah hubungan manusia. Pekerja sosial mampu memperkasa dan memperjuangkan kebebasan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Prinsip hak asasi manusia dan keadilan sosial adalah merupakan asas kepada kerja sosial. Keutamaan profesion ini adalah menjaga hak kesamaan dan menjaga sensitiviti masyarakat. Setiap perkara yang dilakukan penuh dengan toleransi dan demokrasi agar dapat membantu golongan yang kurang bernasib baik secara adil dan saksama. Profesion kerja sosial juga mampu bertindak dalam pelbagai tugas (*multitasking*) bagi mengelakkan diskriminasi sekaligus menggalakkan penyertaan sosial oleh pelbagai pihak (IFWS & IASSW, 2004).

Penglibatan profesion kerja sosial dalam menjalankan sesuatu penyelidikan terhadap isu sosial yang ada mampu untuk menjelaskan dengan lebih mendalam

tentang bagaimana sesuatu perkara itu boleh berlaku. Profesional ini juga mampu untuk menyediakan strategi intervensi yang baik sebagai respon kepada masalah yang dikaji. Hal ini berikutan pekerja sosial menjalankan tugas dengan menggunakan prinsip dan etika sebagai panduan. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan yang dibuat oleh Guzman (1983). Beliau menyatakan bahawa salah satu asas kepercayaan berteraskan sosial adalah menghormati hak klien. Setiap manusia mempunyai hak untuk dilayan dengan berhemah selain mementingkan penjagaan harga diri dan maruah. Pekerja sosial antara orang layak dalam memastikan setiap hak individu manusia sentiasa dihormati dan terpelihara.

Profesional kerja sosial menuntut kepada peranan yang sewajarnya dimainkan bagi menegakkan keadilan sosial terhadap semua bentuk percanggahan di semua peringkat. Hal ini meliputi stigma dan diskriminasi yang menyelubungi golongan gelandangan sehingga menyebabkan mereka tercicir dalam arus global. Pekerja sosial perlu bekerjasama dalam memastikan segala bentuk bantuan sampai kepada mereka secara sama rata berdasarkan kepada polisi yang sedia ada. Hak asasi manusia adalah asas kepada semua secara individu maupun berbentuk kolektif. Perkara ini tidak dapat dipenuhi untuk semua orang di seluruh dunia kerana setiap orang berjuang untuk setiap keperluan asas mereka (IFSW, 2004).

Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat secara dinamik masalah golongan gelandangan yang agak kompleks. Hal ini berikutan kaitannya dengan pelbagai kesulitan yang dialami termasuk masalah ekonomi, sosial dan sebagainya. Akses untuk golongan gelandangan mendapatkan rangkaian khidmat bantuan berbentuk sosial dan kesihatan juga terdapat kekangan. Perkara ini akan menyebabkan golongan gelandangan terus tersisih dalam mendapat khidmat bantuan. Perkara ini dianggap sebagai satu krisis yang menjurus kepada persepsi

tentang sesuatu perkara atau situasi yang mempunyai kesukaran untuk mendapatkan sumber mengikut mekanisma yang diperlukan oleh seseorang yang bergelandangan (James & Gilliland, 2001). Hepworth, Rooney, Rooney, Strom-Gotfried, dan Larsen, (2006) menyatakan bahawa masalah gelandangan adalah merupakan satu tekanan yang serius dan mampu menjelaskan fungsi kognitif, tingkahlaku dan fizikal orang bergelandangan. Berdasarkan kepada andaian ini, gelandangan dilihat mempunyai tekanan yang berpanjangan dalam mencari tempat perlindungan yang selamat dan akses kepada keperluan asas sehingga terpaksa mengenepikan soal kesihatan.

Sehubungan itu juga, kajian ini secara serius akan melihat kepada golongan yang bergelandangan dari sudut demografi, masalah yang dihadapi, karakteristik, keupayaan mereka untuk mendapatkan keperluan asas dan mengakses khidmat bantuan yang sedia ada. Selain itu, kajian ini turut meneliti halangan yang wujud bagi golongan gelandangan bagi membantu memahami jenis program dan bentuk bantuan yang boleh diperolehi serta dasar yang diperlukan bagi mengurangkan masalah yang ditanggung oleh orang yang bergelandangan sekaligus membantu mengurangkan isu gelandangan itu sendiri. Kajian ini mampu meningkatkan tahap kecekapan pekerja sosial dalam memperjuangkan nasib golongan gelandangan di samping mampu memberi pengalaman dan memupuk nilai profesional yang tinggi terhadap bidang kerja sosial.

Justeru, menjadi satu tanggung jawab pekerja sosial dalam mewujudkan dan menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat bagi klien ke arah mendapatkan kehidupan sosial yang lebih baik demi kesejahteraan hidup. Kajian ini juga akan mengetengahkan model intevensi dalam membantu memperjuangkan hak serta keperluan golongan gelandangan di samping terus menjadikan profesion kerja

sosial sebagai profesi yang lebih profesional dalam setiap praktis bagi memacu kualiti perkhidmatan yang terbaik.

1.5.2 Signikan Terhadap Golongan Sasaran (Gelandangan)

Wright (2008) menyatakan ramai yang berpendapat bahawa pelbagai penjelasan tentang gelandangan. Sesuatu yang pasti adalah, mereka yang memiliki rumah secara sementara. Orang yang bergelandangan adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan iaitu lelaki, perempuan, kanak-kanak. Malah mereka juga terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan budaya, latar belakang dan etnik yang berbeza (Wright, 2008). Sehubungan itu, kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti secara dinamik permasalahan golongan gelandangan bagi menyediakan model intervensi yang bersesuaian. Kesesuaian kajian yang dilakukan bagi golongan sasaran ini untuk melihat kepada hak asasi mereka terhadap kesihatan, penempatan, pekerjaan, keselamatan dan sebagainya. Berdasarkan kepada hasil kajian penyelidikan ini kelak, penyelidik berharap penyelidik seterusnya dapat menyediakan perkhidmatan untuk golongan gelandangan dengan memahami kehendak dan tuntutan mereka. Memahami pengalaman hidup mereka secara kelazimannya terhadap trauma yang dihadapi golongan gelandangan akan dapat menyediakan kaedah bantuan yang terbaik untuk mereka (Humbles, 2009).

Breton (2002), menyatakan setiap kajian yang dilakukan ke atas gelandangan harus disediakan dengan strategi yang berkesan bagi membangunkan dan menyelesaikan isu-isu yang membaluti kehidupan golongan gelandangan. Sebagai contoh, golongan gelandangan tidak terkecuali dalam menghadapi isu kesihatan yang melibatkan anggota fizikal dan mental mereka. Sehubungan itu, mereka perlu di ketengahkan dengan kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk mengurangkan risiko penyakit. Setiap strategi yang diperkenalkan oleh pengkaji akan menjurus kepada

keperluan, pengetahuan, kepercayaan dan pembangunan. Hal ini bertujuan agar golongan sasaran ini dapat dibantu secara holistik dan berakauntabiliti.

1.5.3 Signifikan Terhadap Struktur Perkhidmatan

Memerkatakan tentang golongan bergelandangan ini, pelbagai agensi kerajaan dan swasta terlibat secara langsung bagi memastikan nasib golongan ini terbela dengan sebaiknya. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini kelak akan menjurus kepada fungsi-fungsi yang harus dimainkan oleh badan-badan tertentu bagi memastikan golongan gelandangan ini dibantu. Kewujudan pelbagai penyediaan perkhidmatan terhadap klien yang bergelandangan namun masih belum mampu dilaksanakan dengan sepenuhnya bagi menjamin masalah ini dapat dibentras sepenuhnya. Namun, di Malaysia polisi bagi membantu golongan gelandangan masih samar-samar tentang kewujudannya. Sehubungan itu, signifikan kajian ini di akhirnya nanti, pengkaji akan melihat kaedah perkhidmatan yang bersesuaian yang boleh diketengahkan memandangkan di Malaysia pelbagai badan pembekal perkhidmatan bantuan wujud. Sebagai contoh, perkhidmatan pengurusan kes, terapi, pendidikan, peguam bela, penjagaan kanak-kanak dan rumah perlindungan sementara.

Penyediaan strategi daya tindak yang berkesan akan dapat membantu pihak kerajaan dan swasta dalam menangani isu dan permasalahan gelandangan. Kepelbagaiannya kaedah perlu dicirikan memandangkan golongan gelandangan tidak terlepas daripada pelbagai salah laku seperti penyalahgunaan dadah, ketagihan alkohol, keganasan rumahtangga, penderaan dan masalah kehilangan sumber pendapatan secara tetap. Hal ini adalah bagi membolehkan golongan gelandangan ini dapat menerima dan mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh pihak yang berwajib (McNaughton, 2008). Pengkaji akan bertindak sebagai agen pengubah bagi

memastikan kehidupan golongan gelandangan dapat diperbaiki dengan bantuan yang disediakan oleh badan-badan tertentu selaras dengan pembangunan arus perdana.

Kesukaran hidup yang berganda perlu di atasi dan dikurangkan melalui kaedah perkhidmatan yang betul yang perlu di tangani dalam pelbagai peringkat (*multi level*). Ini bagi memastikan kesejahteraan hidup golongan gelandangan ini terbela.

1.5.4 Signifikan Terhadap Pembentukan Dasar

Menjaga kepentingan dan keselamatan semua pihak termasuk golongan gelandangan memerlukan pembentukan sesebuah polisi. Perkara ini bertujuan untuk menjaga keperluan manusia bagi mendapatkan kehidupan yang sejahtera. Sehingga ke hari ini masih belum ada sebarang bentuk polisi yang boleh melindungi golongan gelandangan dari pelbagai aspek. Golongan ini menumpang di bawah Akta Orang Papa 1997 sebagai pelindungan terhadap mereka (temu bual peribadi, 2012).

Keperluan satu-satu polisi adalah untuk menjaga kepentingan setiap individu dalam menuntut keadilan sosial. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini diharap akan memberi sumbangan kepada pembentukan dan penambahbaikan polisi negara terhadap kebijakan, perlindungan dan keselamatan golongan sasaran yang dikaji. Ketiadaan dasar khusus untuk golongan gelandangan menyebabkan kebijakan dan perlindungan terhadap mereka dari aspek perundangan telah disamakan dengan ahli masyarakat yang lain. Tidak dinafikan, Akta Orang Papa 1977 yang memberikan tumpuan kepada kumpulan masyarakat yang hidup terbiar dan melarat tanpa diketahui waris mereka, boleh digunakan untuk membantu golongan gelandangan. Begitu juga dengan Akta Pusat Jagaan 1993, yang boleh digunakan untuk membantu memberikan penjagaan yang sewajarnya kepada golongan ini. Malah ia juga dapat digunakan bagi menangani dan memantapkan usaha dalam